



SALINAN ASAL

Tarikh : 15/09/2020
Rujukan : BPIPBG204128

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA
Peti Surat 64, Jalan Sultan
46904 Petaling Jaya
Selangor



Tuan/Puan,

BORANG JAMINAN BANK UNTUK BON PERLAKSANAAN
(KONTRAK BEKALAN/PERKHIDMATAN)

Sebagai balasan kepada Kontrak yang dibuat antara PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "MPC") dan RESPECT BUSINESS AND ADVANCED TECHNOLOGY beralamat di Level 1, BATC Building UTM, Jalan Sultan Yahya Petra, 54100 Kuala Lumpur (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontraktor") bagi "Perlantikan Pembekal Secara Rundangan Terus (eGPA) Kepada Respect Business And Advanced Technology Solutions Sdn Bhd Bagi Perkhidmatan Tinjauan Kesediaan Industry 4WRD" (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontrak") kami, MALAYAN BANKING BERHAD (3813-K) Menara Maybank, Operations Support Centre (IBG Department) yang bertandatangan di bawah, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Penjamin") atas permohonan Kontraktor, mengaku janji yang tak boleh batal untuk memberi Jaminan kepada MPC ke atas pelaksanaan yang sepatutnya Kontrak tersebut mengikut cara sebagaimana yang terdapat kemudian daripada ini.

MAKA Penjamin dengan ini bersetuju dengan MPC seperti berikut:-

1. Apabila sahaja menerima membuat tuntutan bertulis daripada MPC maka Penjamin hendaklah membayar kepada MPC nilai yang ditentukan di dalam tuntutan tersebut tanpa mengira sama ada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada Kontraktor atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau bersyarat. Dengan syarat sentiasanya bahawa jumlah tuntutan yang dibuat tidak melebihi dalam agregat sebanyak maksimum Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu Sahaja (RM10,000.00) dan bahawa tanggungan Penjamin untuk membayar kepada Perbadanan di bawah Jaminan ini tidak melebihi nilai tersebut di atas.
2. MPC berhak untuk membuat apa-apa tuntutan sebahagian jika dikehendakinya dan jumlah kesemua tuntutan sebahagian itu hendaklah tidak melebihi nilai Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu Sahaja (RM10,000.00) dan liabiliti Penjamin untuk membayar kepada MPC jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan perkadaran yang bersamaan dengan apa-apa bayaran sebahagian yang telah dibuat oleh Penjamin.
3. Penjamin tidak boleh dibebaskan atau dilepaskan dari Jaminan ini oleh sebarang perkiraan yang dibuat antara Kontraktor dan MPC sama ada dengan atau tanpa persetujuan Penjamin atau oleh sebarang perubahan tentang kewajipan yang diaku janji oleh Kontraktor atau oleh sebarang penangguhan sama ada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya.



RM 10,000.00 SEI

BPIPBG204128

4. Jaminan ini adalah Jaminan yang berterusan dan tak boleh batal dan hendaklah berkuat kuasa dari **01/04/2020 sehingga 31/12/2020** (kemudian daripada ini disebut "Tarikh Mati Asal") (*Initial Expiry Date*) iaitu dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat Kontrak atau selepas penghantaran/penyiapan terakhir mengikut mana yang terkemudian atau di dalam keadaan di mana Kontrak dibatalkan, satu (1) tahun selepas tarikh Kontrak dibatalkan. Penjamin boleh atas budi bicaranya melanjutkan Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) jaminan ini untuk tempoh tambahan selama tidak melebihi satu (1) tahun daripada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) (kemudian daripada ini disebut "Tarikh Mati Lanjutan") (*Extended Expiry Date*) apabila menerima permintaan bertulis daripada MPC sebelum Tarikh Mati Asal. Jumlah agregat maksimum yang MPC berhak di bawah Jaminan ini mestilah sentiasa dipastikan tidak melebihi jumlah **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu Sahaja (RM10,000.00)**.
5. Apa-apa tanggungjawab dan tanggungan Penjamin di bawah Jaminan ini hendaklah luput apabila Jaminan ini tamat pada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) atau Tarikh Mati Lanjutan (*Extended Expiry Date*) melainkan jika sebelumnya MPC telah meminta secara bertulis kepada Penjamin untuk membayar sejumlah wang tertentu yang masih belum dijelaskan mengikut peruntukan kontrak.
6. SEMUA TUNTUTAN BERKAITAN DENGAN JAMINAN INI, JIKA ADA, MESTILAH DITERIMA OLEH PIHAK PENJAMIN DALAM TEMPOH SAH LAKU JAMINAN INI ATAUPUN DALAM MASA DUA BELAS (12) BULAN DARI TARIKH MATI ASAL ATAU TARIKH MATI LANJUTAN JAMINAN INI MENGIKUT MANA YANG LEBIH KEMUDIAN.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

.....
Rozihana Ermaniza Mohd Rosnam
 Executive
 Operations Support Centre (OSC)
 Kuala Lumpur

.....
Hasnida Hashim
 Executive
 Operations Support Centre (OSC)
 Kuala Lumpur

Received
 3/10/20